

Hussein: Penyertaan Bumiputera penting

KUALA LUMPUR, Ahad

BEKAS Perdana Menteri, Tun Hussein Onn berkata pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) bergantung penuh kepada kesungguhan golongan Bumiputera untuk memasuki bidang perdagangan dan perindustrian.

Katanya, Bumiputera tidak mempunyai masalah dari segi modal dan kepakaran kerana ada pelbagai institusi di negara ini yang boleh membantu golongan itu menjalankan perniagaan".

Antaranya ialah Bank Pembangunan, Bank Rakyat, Bank Pertanian serta Mar-d.

Bellau berkata demikian bila diminta mengulas mengenai ura-ura untuk melanjutkan tempoh DEB selepas tamat tempohnya.

Tun Hussein Onn berkata perkara penting masih kurang dipunyai oleh golongan Bumiputera ialah kesungguhan untuk menjalankan perniagaan.

"Seringkali kita terdengar golongan Bumiputera yang telah menjalankan perniagaan menghadapi kesulitan apabila mereka gagal menggunakan wang pinjaman yang diberikan kepada mereka," jelasnya.

Kadangkala mereka salah menggunakannya dengan membeli perkara-perkara yang tidak kurang faedah jika dibandingkan dengan perniagaan mereka sendiri, katanya.

Sedar

"Mereka bukannya tidak tahu kesan yang diterimanya, tetapi mereka mudah lupa dengan penghidupan awal mereka.

"Ini yang menyebabkan mereka mengalami kerugian dan terpaksa menutup perniagaan serta membayar hutang yang dipinjam oleh mereka," jelasnya.

Tun Hussein Onn berkata golongan Bumiputera janganlah terlalu gembira dengan ura-ura untuk melanjutkan tempoh DEB setelah tamat pada 1990.

Sebaliknya, ujar beliau, golongan Bumiputera haruslah sedar bahawa sekiranya mereka asyik menunggu perkara yang belum berlaku, mereka tidak dapat mencapainya serta gagal memenuhi matlamat yang dicitacitakan.

"Kalau kita asyik menunggu dan tidak berusaha, samalah seperti pepatah Melayu, Menanti buah yang tidak gugur," katanya.

Bekas Perdana Menteri itu berkata golongan Bumiputera patutlah mempunyai semangat iaitu 'di

mana ada kemahuan di situ ada jalan' untuk mencapai matlamat yang diperlukan.

Bellau memberitahu Berita Harian sebenarnya bukan tidak ada Bumiputera yang telah maju di bidang perniagaan dan perindustrian, tetapi bilangan itu kecil dan belum mencukupi seperti yang dirancangan.

"Oleh itu terpu-langlah kepada generasi masa kini' untuk berusaha dengan lebih gigih untuk memenuhi rancangan yang telah disusun," ujar beliau.